

**Isma pertahan Muhyiddin, dakwa umat Islam dipaksa ikut telunjuk**  
**Malaysian Insider**  
**July 8, 2014**  
**OLEH MD IZWAN**

Ikatan Muslimin Malaysia (Isma) mengatakan umat Islam di Malaysia sememangnya berdepan ancaman seperti yang dibimbangi Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Presiden Isma Abdullah Zaik Abdul Rahman berkata terdapat bukti dan perancangan tersusun bertujuan untuk menekan agama Islam dan kaum Melayu di Malaysia.

"Sememangnya terdapat bukti kukuh di mana pihak-pihak tertentu sedang memaksa kehendaknya ke atas orang Melayu Islam dan menafikan kedaulatan mereka serta hak-hak mereka yang dijamin perlembagaan," kata Abdullah Zaik dipetik dalam satu kenyataan hari ini.

Muhyiddin baru-baru ini berkata kedudukan Islam terancam apabila pihak tertentu mempersoalkan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan pelaksanaan undang-undang oleh Mahkamah Syariah.

Sebelum itu, Utusan Malaysia juga melaporkan Muhyiddin menyatakan kebimbangan sekiranya ketegangan antara kaum tidak ditangani dengan baik, kemungkinan insiden berdarah (13 Mei, 1969) akan berulang.

Abdullah Zaik menyifatkan kenyataan Muhyiddin tersebut mempunyai kebenaran dan mengecam DAP yang cuba memperbesarkan isu tersebut.

"Sebaliknya merekalah (DAP) yang melampau dan ekstrim serta lupa daratan.

"Kecaman yang dibuat DAP adalah sebahagian daripada tekanan ke arah tersebut. DAP dan parti-parti Cina berselindung di sebalik slogan multiracial untuk memaksa kehendak mereka dan menidakkan hak-hak kaum Melayu dan Islam," kata beliau. – 8 Julai, 2014.

- See more at:  
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isma-pertahan-muhyiddin-dakwa-umat-islam-dipaksa-ikut-telunjuk#sthash.mUvH5Vhf.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isma-pertahan-muhyiddin-dakwa-umat-islam-dipaksa-ikut-telunjuk>